

Kata Kunci:
Ibu bapa
Bakti
Rendah diri
Rahmah / kasih sayang



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

10 Oktober 2025 / 18 Rabiulakhir 1447H

Berbakti kepada Ibu Bapa: Satu Tuntutan Ilahi

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُتَّدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللّٰهُ، وَأَشْهُدُ
أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَاصْحَّابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اُوصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمَتَّقُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Marilah tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ayuh, kita menjadi sumber pahala bagi **ibu bapa** kita, serta mendidik anak-anak agar mereka menjadi sumber pahala bagi kita. Semoga Allah s.w.t. mengumpulkan semua yang kita **kasihi** di dalam syurga-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Antara perintah agung yang Allah s.w.t. berikan kita, selepas perintah agar kita menyembah-Nya, ialah perintah untuk berbuat baik dan **berbakti** kepada kedua **ibu bapa**. Allah s.w.t. berfirman dalam Surah al-Isra', ayat 23:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنًا

Maksudnya: “*Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu tidak menyembah selain Dia, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada **ibu bapa**.*”

Subhanallah, lihatlah bagaimana Allah s.w.t. menyebutkan **kebaktian** kepada **ibu bapa** – *birrul-walidayn* – sejurus selepas perintah untuk menyembah-Nya. Begitulah besar dan pentingnya amalan **berbakti** kepada **ibu bapa** dalam Islam.

Saudaraku yang dikasihi,

Kita mungkin sedia maklum tentang kepentingan **berbakti** kepada **ibu bapa**. Persoalannya: bagaimana kita dapat menerapkannya dalam kehidupan masa kini yang pesat, khususnya apabila kita berhadapan dengan pelbagai cabaran, seperti tekanan ekonomi dan perubahan sosial yang mungkin tidak dialami oleh generasi terdahulu?

Allah s.w.t. memberi panduan dalam Surah al-Isra’, ayat 24:

وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذَّلِيلِ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمَهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “*Dan hendaklah engkau **merendah diri** terhadap mereka dengan penuh **kasih sayang**, dan ucapkanlah: ‘Wahai Tuhanku, **kasihilah** mereka sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku semasa kecil.’”*

Ayat ini menjadi panduan rentas generasi dalam menerapkan nilai **berbakti** kepada **ibu bapa**. Allah, Tuhan yang Maha Pengasih, telah menunjukkan kepada kita jalan untuk menjadi anak yang soleh dan **berbakti** kepada kedua-dua **ibu bapa**. Perhatikan tiga pengajaran penting daripada ayat ini:

Pertama: Merendahkan diri kepada ibu bapa

Kita harus sedar bahawa **ibu bapa** kita membesar dalam zaman yang berbeza, dengan pengalaman dan cara hidup yang berbeza. Ini boleh menyebabkan jurang pengetahuan, khususnya dalam perihal teknologi dan sistem terkini.

Perkara yang biasa bagi kita – seperti menempah janji temu (*appointment*) melalui aplikasi, atau mengenali mesej dan panggilan *scam* atau penipuan – mungkin sesuatu yang asing dan mengelirukan bagi mereka. Maka, sifat **rendah diri** menjadi bukti **kasih sayang**: kita membimbing mereka dengan sabar, membantu mereka dengan santun, tanpa menunjukkan kemarahan atau memperkecilkan pemahaman mereka.

Kedua: Memandang ibu bapa dengan pandangan kasih dan belas ihsan

Allah s.w.t. memerintahkan kita untuk **merendahkan diri** kepada **ibu bapa** dengan **rahmah** dan **kasih sayang**. Rahmah membentuk asas kepada sikap **rendah diri** terhadap **ibu bapa**.

Saudara, Singapura merupakan antara negara yang mempunyai kadar penuaan terpantas dan **ibu bapa** kita adalah sebahagian daripada realiti ini. Semakin usia meningkat, ada yang diuji dengan masalah kesihatan dan ada pula yang dilanda kesunyian apabila anak-anak sibuk dengan kerjaya dan keluarga masing-masing. Dalam keadaan ini, sifat **rahmah** menyeru kita untuk terus hadir – contohnya, dengan menemani mereka ke janji temu perubatan, memberikan masa, perhatian dan **kasih sayang**.

Jika berlaku perselisihan, **rahmah** membimbang nada kita agar tidak hilang rasa hormat. Ingatlah, **kasih** dan pengorbanan **ibu bapa** harus dibalas dengan belas **kasihan** dan mereka wajar dipandang dengan penuh **kasih sayang**.

Ketiga: Mendoakan ibu bapa

Allah s.w.t. mengajarkan kita serangkap doa yang indah untuk kedua-dua **ibu bapa**:

رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

Maksudnya: “*Wahai Tuhan, kasihanilah mereka sebagaimana mereka telah mendidikku semasa kecil.*”

Saudara-saudara yang dikasihi,

Dalam doa ini, tersirat ungkapan “*sebagaimana mereka telah mendidikku semasa kecil*”. Ini mengingatkan kita kepada segala

perhatian, pengorbanan, **kasih sayang**, belas ihsan, cinta, kelembutan dan kesabaran yang mereka curahkan sejak kita kecil.

Mereka berjaga malam, memenuhi segala keperluan kita dan sering mengorbankan keselesaan diri demi kesejahteraan kita. Mereka bergembira dengan kegembiraan kita dan bersedih kerana kesedihan kita. Mereka menerima kesilapan kita dengan penuh kesabaran dan berdoa dalam diam untuk kejayaan serta kebahagiaan kita.

Maka, sekurang-kurangnya, apa yang dapat kita lakukan adalah berdoa kepada Allah s.w.t. agar mengurniakan rahmat kepada mereka.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Mungkin sahaja, kita pernah berselisih faham atau melukai hati **ibu bapa**, sama ada secara sedar atau tidak.

Namun, ingatlah – walau apa pun yang berlaku, merekalah yang menyambut kelahiran kita dengan penuh kegembiraan, senyuman mereka yang pertama menghiasi kenangan dan **kasih** serta pengorbanan mereka telah membentuk diri kita hari ini. Maka marilah kita berusaha untuk memuliakan mereka dan menjadi anak yang **berbakti** melalui tutur kata, perbuatan dan doa kita.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan rahmat, keampunan dan ganjaran yang tidak bersempadan kepada kedua-dua **ibu bapa** kita atas segala jasa dan pengorbanan mereka. Semoga Allah mengurniakan **ibu bapa** kita kesihatan yang baik, umur yang panjang, kebahagiaan yang berterusan, serta menjadikan kita anak-anak yang sentiasa menghormati, mengasihi dan menjaga mereka dengan penuh keikhlasan. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَانْسَتْغِفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغُفُورُ
الْرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عَبَادَ اللَّهِ، اتُّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمْرَ، وَاتَّهُوا عَمَّا كَفَرْتُمْ عَنْهُ وَزَجَرْ.

أَلَا صَلَوَا وَسِلَمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمْرَنَا اللَّهُ بِذِلِكَ حِيثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسِلُّمُوا تَسْلِيْمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَأَرْضَ اللَّهَمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرُّشِيدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ سَادِاتِنَا أَيُّ بُكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ، وَعَنْ بِقَيِّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالْتَّابِعَيْنَ، وَتَابِعِي التَّابِعِيْنَ، وَعَنَّا مَعْهُمْ وَفِيهِمْ بَرْ حُمَّتَكَ يَا لَرَحْمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسِلِمِيْنَ وَالْمُسِلَّمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْمَلَازِلَ وَالْمَحَنَّ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلِدَنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبَلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِيْنَ فِي عَرَّةٍ وَفِي فِلَسِطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا لَرَحْمَ الرَّاحِمِيْنَ. اللَّهُمَّ بَدِلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَخُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمْهُمْ فَرَجَّا، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. اللَّهُمَّ اكْتُبْ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمَانَ وَالْأَمَانَ

لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ . رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَ قَنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَ يَنْهَا عَنِ
الْفُحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ، وَ اشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَ اسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَ لَا يَدْكُر
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَ اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .